



24 DEC, 2020

## Tiada jaminan harga naik walaupun barang cukup

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Tiada jaminan harga naik walaupun barang cukup

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan Johor tidak memberi jaminan kenaikan harga barang tidak akan berlaku di negeri ini walaupun bekalan mencukupi sepanjang perayaan Krismas.

Exco Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, Dr Chong Fat Full berkata, Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor akan meningkatkan pemeriksaan serta pemantauan.

Menurutnya, mereka akan berada di lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasar raya.

“Ini bagi memastikan bekalan barangan mencukupi dan harga di pasaran berpatutan. Langkah ini mencerminkan usaha berterusan KPDNHEP bagi melindungi pengguna daripada kegiatan mengambil keuntungan berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika ketika musim perayaan.

“Selain itu, Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Perayaan Krismas 2020

**CHONG FAT FULL**

dilaksanakan dari 22 Disember 2020 hingga 31 Disember iaitu tiga hari sebelum perayaan, satu hari pada hari perayaan dan enam hari selepas perayaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Fat Full berkata, pelaksanaan skim itu bertujuan memastikan

harga barangan terpilih adalah terkawal dengan penetapan harga siling di peringkat pasar basah dan penjaja kecil yang menjadi tumpuan pengguna berbelanja pada musim perayaan.

Beliau berkata, 14 jenis barangan ditentukan harga maksimum bagi pelaksanaan SHMMP Krismas 2020 antaranya ayam, ayam belanda, telur ayam, daging kambing, lada benggala hijau dan tomato.

“Dua barangan baharu turut dimasukkan iaitu lobak merah dan ubi kentang import kerana mendapat permintaan tinggi masyarakat yang menyambut perayaan Krismas.

“Oleh itu, kawalan harga dibuat ke atas barangan ini bagi menstabilkan harga dan bekalan di pasaran,” katanya.



24 DEC, 2020

## Tiada jaminan harga naik walaupun barang cukup

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

JOHOR BAHRU - Kerajaan Johor tidak memberi jaminan kenaikan harga barang tidak akan berlaku di negeri ini walaupun bekalan mencukupi sepanjang perayaan Krismas. Exco Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Johor, Dr Chong Fat Full berkata, Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor akan meningkatkan pemeriksaan serta pemantauan.